

# Fakta laporan dadah yang dikeluarkan oleh Unit Sistem Maklumat Dadah Kebangsaan (Nadi) bagi Januari hingga Jun 2007

u.m 28/9/07 MS 2-8

## Statistik penagih

- Sepanjang tempoh enam bulan pertama tahun 2007, seramai 8,269 penagih dikesan yang menunjukkan penurunan sebanyak 36.37 peratus berbanding tahun lalu iaitu 13,058.
- Pulau Pinang mencatatkan bilangan penagih paling ramai iaitu 2,266

## Penguatkuasaan

- Polis Diraja Malaysia (PDRM) dan Kastam Diraja Malaysia telah menangkap seramai 27,966 pesalah dadah mengikut Akta Dadah Berbahaya 1952 dan Akta Dadah Berbahaya (Langkah-Langkah Pencegahan Khas) 1985.
- Bilangan tangkapan dalam Ops Tapis meningkat sebanyak 24.14 peratus berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2006 iaitu daripada 65,227 kepada 80,976.
- PDRM, Kastam dan Bahagian Farmasi Kementerian Kesihatan telah merampas pelbagai najis dadah iaitu heroin (97.87kg), ganja (1,288.18kg), candu (0.01kg), syabu (29.02kg), kodein (7,839.24 liter), ekstasi (32,144 biji), pil psikotropik (334,481 biji), katemin (184.61 kg), kokain (9.05kg), eramin 5 (88,849 biji), ketum (2,687.99kg) dan pil yaba (66,419 biji)

## Profil penagih

- Seramai 5,993 daripada 8,269 adalah penagih Melayu.
- 8,079 (97.7 peratus) penagih lelaki manakala 190 (2.3 peratus) adalah wanita.
- 5,763 (70.37 peratus) terdiri daripada golongan belia dan majoriti adalah berumur antara 25 hingga 29 tahun.
- 5,850 (78.92 peratus) berpendidikan hingga sekolah menengah dengan sekurang-kurangnya tamat tingkatan tiga.
- 6,518 (92.11 peratus) mempunyai pekerjaan dengan majoritinya adalah buruh am.
- 61.12 peratus merupakan penagih heroin dan morfin manakala penagih ATS ialah 9.6 peratus.
- 54.59 peratus mengakui mula terjebak dengan dadah disebabkan oleh pengaruh kawan.

## Rawatan dan pemulihan

- Bilangan penagih di 28 pusat serenti seluruh negara ialah seramai 6,431 orang.
- Taburan penghuni adalah seperti berikut :
  - 6,313 (97.92 peratus) penghuni lelaki
  - 134 (2.08 peratus) penghuni wanita
  - 4,552 (70.78 peratus) berketurunan



## Melayu

- 902 (14.03 peratus) berketurunan Cina
- 768 (11.94 peratus) berketurunan India
- 159 (2.47 peratus) berketurunan pribumi
- Terdapat seramai 654 penghuni yang dikenal pasti pembawa virus HIV manakala 111 lagi menghidap pelbagai jenis penyakit kronik seperti tibi, asma, hepatitis, jantung, kencing manis dan 114 mempunyai penyakit mental.